

# PM tak mahu ketirisan gagalkan projek RMK-9

Gabem diberi tanggungjawab <sup>BH - 3/12/2006</sup> pantau kontraktor menyeleweng

Oleh/Fazli Abdullah

**G** EORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) memantau ketirisan dalam pelaksanaan projek bagi memastikan peluang yang diberikan kepada Bumiputera terus terpelihara.

Perdana Menteri tidak mahu perkara yang berlaku sebelum ini berulang lagi dalam pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang sedang dilaksanakan sekarang.

Amanat Abdullah itu disampaikan ketika melancarkan Gabem Pulau Pinang yang diadakan secara tertutup di Dewan Sri Pinang di sini, petang semalam.

Bercakap pada sidang media selepas itu, Pengerusi Gabem, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, berkata Perdana Menteri membangkitkan soal ketirisan ketika menyampaikan amanat dan mahu Gabem memantaunya.

"Ini (ketirisan) yang diterangkan Perdana Menteri dengan jelas tadi ketika menyampaikan amanat. Ka-

lau boleh kita mahu hapuskan gejala negatif dalam ekonomi masyarakat Melayu," katanya.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah, Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan pemimpin masyarakat.

Gabem Pulau Pinang adalah yang pertama dilancarkan pada peringkat negeri selepas pelancaran peringkat nasional, Jun lalu.

Abdul Rashid dilantik sebagai Pe-

**“ Kita juga akan melakukan jihad ekonomi. Ini bukan bermakna kita merampas harta bukan Melayu, tetapi mengubah paradigma”**

**Abdul Rahim Tamby Chik**  
Pengerusi Gabem

naung Gabem Pulau Pinang, manakala Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Jamaludin Hasan (penasihat) dan Datuk Ahmad Ibnihajar (pengerusi).

Mengulas lanjut, Abdul Rahim berkata, Perdana Menteri membangkitkan soal ketirisan yang berlaku begitu kompleks serta membabitkan unsur penyelewengan serta menjual projek.

"Perdana Menteri tidak mahu lagi berlaku perkara ini dan mahu usaha membendunginya dilakukan," katanya.

Abdul Rahim berkata, pemantauan ketirisan dalam projek kerajaan sememangnya menjadi satu daripada matlamat penubuhan Gabem yang bertindak sebagai pemantau pada peringkat akar umbi.

Katanya, Gabem akan berusaha untuk memastikan Bumiputera yang diberi projek, melaksanakannya sendiri berdasarkan kemampuan dan kebolehan masing-masing, bukannya menjual projek.

"Kita mahu ketirisan di kalangan Bumiputera yang menyebabkan kegagalan penyertaan dalam bidang ekonomi dapat dikurangkan walau-

pun tidak dapat dibanteras sepenuhnya," katanya.

Beliau menegaskan, Gabem mahu apa yang dibelanjakan kerajaan untuk kumpulan sasar dinikmati oleh kumpulan berkenaan.

"Seperti Umno yang berjaya dalam politik, kita nak lihat Gabem juga berjaya dalam ekonomi orang Melayu. Dengan ini, Malaysia akan lebih berjaya," katanya.

Selain memantau ketirisan, Gabem juga bermatlamat memperkuh permuafakatan seluruh badan ekonomi Bumiputera, sekali gus meningkatkan kadar kejayaan dan mengurangkan kegagalan.

Gabungan berkenaan juga mahu meningkatkan kualiti kepimpinan badan ekonomi Melayu supaya lebih dinamik dan berpandangan bernas bagi meningkatkan martabat ahli persatuan yang dipimpinya.

"Kita juga akan melakukan jihad ekonomi. Ini bukan bermakna kita merampas harta bukan Melayu, tetapi mengubah paradigma pemimpin terhadap perniagaan supaya wujudkan semangat cintakan perniagaan," katanya.